

## **KOM-MAO-TER CHALLENGE SOALAN LAZIM**

**1. *Apakah itu Kom-Mao-Ter Challenge?***

Kom-Mao-Ter Challenge adalah satu pertandingan cabaran anjuran Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Cabaran ini memerlukan anda untuk menaiki tren KTM Komuter Utara dan mengumpul cop setem Kom-Mao-Ter Challenge di lapan (8) stesen terpilih sepanjang laluan KTM Komuter Utara.

**2. *Berapa lamakah tempoh cabaran ini berlangsung?***

Cabaran ini berlangsung dari 9 November 2025 hingga 31 Januari 2026.

**3. *Di laluan manakah cabaran ini diadakan?***

Cabaran ini akan diadakan di laluan KTM Komuter Utara, dari Ipoh hingga Butterworth serta dari Butterworth hingga Padang Besar.

**4. *Bagaimanakah cara untuk saya menyertai cabaran ini?***

**Langkah 1 – Dapatkan Kad Komlink Edisi Khas x Bichi Mao**

- Beli Kad Komlink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao berserta percuma Buku Pasport “Kom-Mao-Ter Challenge”.

**Langkah 2 – Lengkapkan Cop Setem pada Buku Passport**

- Buku Pasport anda akan dibekalkan dengan lapan (8) lakaran setem yang perlu dicop. Kumpulkan lapan (8) cop setem yang telah disediakan pada setiap stesen terpilih sepanjang laluan Ipoh hingga Butterworth dan Butterworth hingga Padang Besar.
- Pastikan anda mengecop setem pada lakaran stesen yang sepadan dengan nama stesen tersebut. Contoh: Setem Stesen Taiping hendaklah dicop pada

muka surat dengan lakaran Stesen Taiping. Cop yang diletakkan pada stesen yang salah akan menyebabkan pasport dianggap tidak sah dan tidak layak untuk penebusan ganjaran

- Senarai lapan (8) stesen terpilih untuk mendapatkan setem cop adalah seperti dibawah:
  - Stesen Ipoh, Perak;
  - Stesen Taiping, Perak;
  - Stesen Bukit Mertajam, Pulau Pinang;
  - Stesen Butterworth, Pulau Pinang;
  - Stesen Alor Setar, Kedah;
  - Stesen Sungai Petani, Kedah;
  - Stesen Arau, Perlis; dan
  - Stesen Padang Besar, Perlis

### **Langkah 3 – Tebus Ganjaran**

- Tebus hadiah misteri di tiga (3) stesen terpilih:
  - **Stesen Ipoh;**  
Waktu operasi kaunter : 7.00 pagi hingga 9.00 malam
  - **Stesen Butterworth; dan**  
Waktu operasi kaunter : 5.00 pagi hingga 10.00 malam  
Kecuali jam : i. 9.00 pagi - 10.00 pagi  
ii. 7.40 malam - 8.40 malam
  - **Stesen Alor Setar**  
Waktu operasi kaunter : 5.00 pagi hingga 10.00 malam
- Lengkapkan maklumat peribadi di muka surat pertama buku pasport. Sertakan juga nombor PNR akaun KITS atau alamat e-mel anda sebagai maklumat tambahan; dan

- Serahkan buku pasport kepada petugas stesen untuk tujuan semakan. Kakitangan akan mengesahkan penebusan dengan cop “REDEEM” selepas mengesahkan semua lapan (8) setem lengkap dan sepadan dengan senarai stesen terlibat;
- Muka surat pertama buku pasport akan diambil oleh petugas kaunter sebagai rekod, manakala buku pasport selebihnya akan dipulangkan bersama hadiah plushie; dan
- Anda digalakkan memuat naik satu (1) posting di media sosial berkaitan cabaran ini dengan hashtag #winKomMaoTerChallenge, #KTMxBichiMao, #KTMKomuterUtara, #NaikKTMKomuterJer.

**5. *Dimanakah saya boleh membeli Kad Komlink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao?***

Anda boleh membeli Kad KomLink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao di semua stesen sepanjang laluan KTM Komuter Utara.

Bagi sektor Lembah Klang (KVDT), kad ini dijual di stesen terpilih sahaja seperti senarai berikut:

- Stesen KTM KL Sentral
- Stesen KTM Mid Valley
- Stesen KTM Bandar Tasek Selatan
- Stesen KTM Kajang
- Stesen KTM Seremban
- Stesen KTM Kepong Sentral
- Stesen KTM Subang Jaya
- Stesen KTM Sg. Buloh
- Stesen KTM Klang

**6. Berapakah harga Kad Komlink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao ini?**

Harga Kad Komlink Edisi Khas berharga **RM30.30 seunit**. Buku Pasport Kom-Mao-Ter Challenge akan diberikan secara **percuma** dengan setiap pembelian kad edisi khas ini.

**7. Bolehkah saya menyertai cabaran tanpa membeli Kad Komlink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao?**

Tidak. Anda tidak boleh menyertai cabaran ini tanpa membeli Kad Komlink Edisi Khas Komuter x Bichi Mao.

**8. Apakah ganjaran yang akan saya perolehi setelah melengkapkan lapan (8) cop setem Kom-Mao-Ter Challenge?**

Setelah melengkapkan lapan (8) cop setem Kom-Mao-Ter Challenge, anda layak untuk menebus satu (1) unit **plushie Edisi Terhad** dengan mengemukakan bukti buku pasport yang lengkap. Penebusan berdasarkan konsep 'siapa cepat dia dapat' untuk **5,000 unit pertama**.

**9. Bolehkah saya menukar ganjaran yang diperolehi dengan wang tunai?**

Tidak. Anda tidak boleh menukar ganjaran dengan wang tunai.

**10. Adakah saya boleh menebus ganjaran jika cop setem pada muka surat di dalam buku pasport Kom-Mao-Ter Challenge rosak atau tidak lengkap?**

Tidak. Anda tidak boleh menebus ganjaran jika cop setem pada muka surat di dalam buku pasport Kom-Mao-Ter Challenge rosak atau tidak lengkap.

**11. Bolehkah saya menyertai cabaran ini lebih daripada sekali?**

Ya. Anda boleh menyertai cabaran ini lebih daripada sekali dengan membeli Kad Komlink Edisi Khas KTM Komuter x Bichi Mao yang baharu.

**12. Adakah KTMB berhak mengubah terma dan syarat?**

Ya. KTMB berhak meminda terma dan syarat tanpa notis awal.

- TAMAT

**CABARAN KOM-MAO-TER CHALLENGE**  
**TERMA DAN SYARAT UNTUK PENEBUSAN GANJARAN**

**1. Terbuka kepada semua.**

*Open to all*

**2. Tempoh cabaran bermula dari 9 November 2025 hingga 31 Januari 2026**

*The challenge period runs from 9<sup>th</sup> November 2025 to 31<sup>st</sup> January 2026*

**3. Peserta perlu dapatkan Kad Komlink Edisi Khas KTMB X Bichi Mao, pasport rasmi dan melengkapkan pasport dengan mengumpul 8 cop stesen terpilih.**

*Participants must obtain the Limited Edition Komlink Card, official passport and collect 8 stamps from selected stations*

**4. Penebusan adalah terhad kepada 1 hadiah untuk 1 peserta dan berdasarkan *siapa cepat dia dapat***

*Redemption is limited to one gift per participant and on a first come, first served basis.*

**5. Peserta digalakkan membuat satu (1) posting di media sosial untuk menebus satu (1) hadiah misteri di stesen penebusan.**

*Complete the passport and make one (1) social media post to redeem one (1) mystery gift at the redemption counter.*

**6. Pasport yang rosak atau tidak lengkap tidak boleh menebus hadiah.**

*Damaged or incomplete passports are not eligible for gift redemption.*

**7. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.**

*Prizes are non-transferable and cannot be exchanged for cash.*

**8. KTMB berhak ubah terma & syarat tanpa notis awal.**

*KTMB reserves the right to amend the terms & conditions without prior notice.*

**9. KTMB berhak menggunakan gambar peserta untuk dimuatnaik di laman sosial KTMB**

*KTMB reserves the right to use participants' photographs for publication on KTMB's official social media channels.*

# **CABARAN KOM-MAO-TER CHALLENGE**

## **CARA PENYERTAAN!**

### **Naik KTM Komuter Utara & Kejar Si Mao!**

1. Dapatkan Kad Komlink Edisi Khas Bichi Mao x KTM Komuter & Buku Pasport Kom-Mao-Ter Challenge!
2. Naik KTM Komuter Utara & sertai misi memburu Mao!
3. Nampak Mao? Kumpul cop setem di 8 stesen terpilih dalam Buku Pasport anda.
4. Tukar Buku Pasport anda yang lengkap dengan 8 cop setem untuk ganjaran eksklusif di mana-mana stesen penebusan: Ipoh, Butterworth atau Alor Setar\*.  
\*Terhad kepada 5,000 penebusan pertama sahaja!

## **HOW TO JOIN!**

### **Naik KTM Komuter Utara & Kejar Si Mao!**

1. *Get the limited edition Bichi Mao x KTM Komuter Komlink Card and Kom-Mao-Ter Passport Book!*
2. *Ride the KTM Komuter Utara & join Catch the Mao mission!*
3. *Spotted Mao? Collect stamps at 8 selected stations in your passport.*
4. *Exchange your Passport Book with 8 completed stamps for an exclusive reward at any redemption station: Ipoh, Butterworth or Alor Setar\*.*  
*\*Limited to the first 5,000 redemptions only!*